Maybank Islamic

| **HELAIAN MAKLUMAT PRODUK**<br><br>**Sila baca Helaian Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon kemudahan pembiayaan Maybank Islamic di bawah BIZPLUS-I Maybank Islamic. Sila pastikan anda telah membaca terma dan syarat am dengan teliti.** | **Nama Produk:**<br><br>**BIZPLUS-I**<br><br>**Tarikh:**<br><br>[Tarikh helaian ini diberikan kepada pelanggan untuk diisi oleh Staf] |
|---|---|

## 1. APAKAH PRODUK INI?

- BIZPLUS-I ADALAH KEMUDAHAN PEMBIAYAAN BERSANDARKAN DEPOSIT TERHADAP CAGARAN CAIR* TERMASUK SIMPANAN TETAP ISLAMIK (IFD)/AKAUN PELABURAN AM (GIAs)/AKAUN DEPOSIT MURABAHAH-I (MDA-I)/PROSPEROUS NOW ACCOUNT-I (PNA-I)/ DEPOSIT MATAWANG ASING, ASB, DAN/ATAU ASN DITAWARKAN KEPADA PELANGGAN PERNIAGAAN YANG LAYAK. TAWARAN PEMBIAYAAN TERSEBUT UNTUK TUJUAN MODAL KERJA.

PRODUK INI MEMPUNYAI 2 (DUA) PILIHAN:-

i) PILIHAN 1 – CAGARAN PENUH DENGAN 100% MARGIN PEMBIAYAAN
ii) PILIHAN 2 – MARGIN PEMBIAYAAN SEHINGGA 150% (TERTAKLUK KEPADA KELAYAKAN)

KADAR PEMBIAYAAN ( HARGA/KADAR KEUNTUNGAN) YANG DIKENAKAN UNTUK PRODUK INI DIKIRA BERDASARKAN KADAR BOLEH UBAH.

BIZPLUS-i TERDAPAT DALAM BENTUK KEMUDAHAN TUNAI-I (CL-I), KREDIT PUSINGAN JANGKA PENDEK-I (STRC-I) DAN/ATAU KEMUDAHAN PERDAGANGAN-I

**YANG DITERIMA OLEH PIHAK BANK*

## 2. APAKAH KONTRAK SYARIAH YANG DIGUNAKAN?

KONTRAK SYARIAH YANG DIGUNAKAN UNTUK CL-I DAN STRC-I ADALAH MURABAHAH (KOS TAMBAH KEUNTUNGAN) MENGGUNAKAN KAEDAH KOMODITI MURABAHAH/TAWARRUQ SEPERTI BERIKUT:-

i. MENGIKUT PEMBIAYAAN SECARA KOMODITI MURABAHAH, PIHAK BANK MEMPEROLEH/MEMBELI KOMODITI PATUH SYARIAH DARIPADA PIHAK KETIGA (PENIAGA KOMODITI 1) ATAS PERMINTAAN PELANGGAN.

ii. PIHAK BANK KEMUDIAN MENJUAL KOMODITI KEPADA PELANGGAN DENGAN HARGA JUALAN BANK YANG TERDIRI DARIPADA HARGA KOMODITI CAMPUR MARGIN/KEUNTUNGAN BANK. PELANGGAN MEMBAYAR SECARA BERTAHAP.

iii. PELANGGAN KEMUDIAN MELANTIK PIHAK BANK SEBAGAI WAKIL UNTUK MENJUAL KOMODITI KEPADA PIHAK KETIGA (PENIAGA KOMODITI 2).

iv. PIHAK BANK, SEBAGAI WAKIL PELANGGAN KEMUDIAN MENJUAL KOMODITI KEPADA PIHAK KETIGA (PENIAGA KOMODITI 2) PADA HARGA JUALAN MENGIKUT AMAUN PEMBIAYAAN.

v. HASIL PENJUALAN KOMODITI AKAN DIREMIT KEPADA PELANGGAN, VENDOR ATAU PIHAK BERKEPENTINGAN MENGIKUT TERMA DAN SYARAT PEMBIAYAAN.

BAGI TUJUAN PEMBELIAN DAN PENJUALAN KOMODITI, PIHAK BANK AKAN MENJADI EJEN TIDAK EKSKLUSIF BAGI SETIAP TRANSAKSI KOMODITI MURABAHAH YANG BERKAITAN DENGAN PEMBIAYAAN.

KONTRAK-KONTRAK SHARIAH YANG DIGUNAKAN UNTUK KEMUDAHAN PERDAGANGAN-i ADALAH:-

| KONTRAK-KONTRAK SHARIAH | **DEFINISI** |
|---|---|
| WAKALAH (WAKIL) | KONTRAK DI MANA SATU PIHAK, SEBAGAI PRINSIPAL (MUWAKKIL) MEMBERI KUASA KEPADA PIHAK LAIN SEBAGAI WAKIL (WAKIL) UNTUK MELAKSANAKAN TUGAS TERTENTU DALAM HAL-HAL YANG BOLEH DIWAKILKAN, DENGAN ATAU TANPA MENGENAKAN BAYARAN. |
| PESANAN BELIAN MURABAHAH (MPO) | "MPO ADALAH ATURAN DI MANA PEMBELI BERJANJI UNTUK MEMBELI ASET YANG TELAH DIKENALPASTI DARIPADA PENJUAL DI ATAS TERMA "MURABAHAH" BILA MANA PENJUAL SUDAH |

| | |
|---|---|
| | MEMPEROLEHI ASSET TERSEBUT” |
| BAI DAYN (PERDAGANGAN HUTANG) | KONTRAK PERDAGANGAN HUTANG DARIPADA AKTIVITI PERNIAGAAN YANG PATUH SYARIAH. |
| KAFALAH (JAMINAN) | KONTRAK DI MANA PENJAMIN BERSAMA PARTI YANG DIJAMIN DALAM LIABILITI YANG DINYATAKAN |

## 3. APAKAH YANG BOLEH SAYA PEROLEHI DARIPADA PRODUK INI?

| | |
|---|---|
| ▪ JUMLAH KEMUDAHAN | MAKSIMUM SEHINGGA RM 10 JUTA TERTAKTUK KEPADA KELAYAKAN<br><br>*NOTA:*<br>*KELULUSAN DAN JUMLAH PEMBIAYAAN TERTAKLUK KEPADA BUDI BICARA PIHAK BANK.* |
| ▪ TEMPOH PEMBIAYAAN | LIMA (5) TAHUN ADARI TARIKH KEMUDAHAN DISEDIAKANTAU DIKEMASKINI OLEH BANK |
| ▪ HARGA/KADAR KEUNTUNGAN | (see table below) |

| PILIHAN | KADAR KEUNTUNGAN/CAGARAN |
|---|---|
| **BIZPLUS-I PILIHAN 1** | |
| KEMUDAHAN TUNAI-I (CL-I) | • KADAR SIMPANAN TETAP ISLAMIK (IFD) + 2.00% SETAHUN [UNTUK SIMPANAN TETAP ISLAMIK (IFD)/AKAUN PELABURAN AM (GIAs)/AKAUN DEPOSIT MURABAHAH-I (MDA-I)/PROSPEROUS NOW ACCOUNT-I (PNA-I)<br>• KADAR PEMBIAYAAN ASAS (KPA) + 0.00% SETAHUN [UNTUK DEPOSIT MATAWANG ASING, ASB, ASW, ASN] |
| RESIT AMANAH -I (TR-I) | KADAR PEMBIAYAAN ASAS (KPA) + 0.00% SETAHUN |
| BIL TERIMA-I (AB-I) | 0.75% KOMISEN PENERIMAAN |
| KREDIT PUSINGAN JANGKA PENDEK-I (STRC-I) | KOS DANA PEMBIAYAAN ISLAMIK (KDP) + 0.75% SETAHUN |
| LAIN-LAIN PEMBIAYAAN PERDAGANGAN | DITENTUKAN OLEH BANK BERDASARKAN KEPADA KES KE KES |
| **BIZPLUS-I PILIHAN 2** | |
| KEMUDAHAN TUNAI-I (CL-I) | • KADAR SIMPANAN TETAP ISLAMIK (IFD) + 2.00% SETAHUN [UNTUK SIMPANAN TETAP ISLAMIK (IFD)/AKAUN PELABURAN AM (GIAs)/AKAUN DEPOSIT MURABAHAH-I (MDA-I)/PROSPEROUS NOW ACCOUNT-I (PNA-I)<br>• KADAR PEMBIAYAAN ASAS (KPA) + 0.00% SETAHUN [UNTUK DEPOSIT MATAWANG ASING, ASB, ASW, ASN] |
| RESIT AMANAH -I (TR-I) | DI ANTARA KPA + 1.90% SETAHUN SEHINGGA KPA + 2.00% SETAHUN |
| BIL TERIMA-I (AB-I) | 1.00% KOMISEN PENERIMAAN |
| KREDIT PUSINGAN JANGKA PENDEK-I (STRC-I) | KDP + 2.00% P.A |

*NOTE:*
*1)* IFD* MERUJUK KEPADA KADAR SEMASA FD ISLAMIK UNTUK 12 BULAN
*2) HANYA ASB, ASW, ASN PIHAK KETIGA SAHAJA YANG DIBENARKAN UNTUK ASB, ASW, ASN*

| | |
|---|---|
| ▪ KADAR PEMBIAYAAN ASAS | KADAR PEMBIAYAAN ASAS (KPA) SEMASA ADALAH SEBANYAK 5.40% SETAHUN |

| HARGA JUALAN BANK<br>HANYA UNTUK PRODUK BERASASKAN KOMODITI MURABAHAH/MURABAHAH SAHAJA<br>▪ | KADAR PEMBIAYAAN ASAS (KPA) SEMASA ADALAH 5.40% SETAHUN. |
|---|---|

| JIKA KADAR KEUNTUNGAN EFEKTIF | MAKA HARGA JUALAN BANK |
|---|---|
| KPA + (< 3.00%) | KPA + 4% ATAU 10%, MANA YANG TINGGI |
| KPA + (≥ 3.00%) | KPA + 4% + MARGIN KEUNTUNGAN ATAU 15%, MANA YANG TINGGI |

| | |
|---|---|
| ▪ KELEBIHAN LAIN | 1) MAYBANK2U<br>2) MAYBANK2E<br>3) PENGURUSAN TUNAI/PERKHIDMATAN PENGGAJIAN |

**4. BOLEHKAH SAYA MEMILIH UNTUK PENYERAHAN SECARA FIZIKAL KOMODITI TERSEBUT? APAKAH KOS YANG TERLIBAT? UNTUK KEMUDAHAN BERDASARKAN KOMODITI MURABAHAH SAHAJA**

ANDA BOLEH MEMILIH UNTUK PENYERAHAN SECARA FIZIKAL TERTAKLUK KEPADA TERMA DAN SYARAT OLEH PIHAK BANK. SEMUA KOS BERKAITAN DENGAN ARAHAN ANDA UNTUK PERYERAHAN SECARA FIZIKAL KOMODITI TERSEBUT PERLU DITANGGUNG OLEH ANDA.

**5. APAKAH TANGGUNGJAWAB SAYA?**

I. KEMUDAHAN TUNAI KOMODITI MURABAHAH (CL-I)/ KREDIT PUSINGAN JANGKA PENDEK-I (STRC-I)

A. MEMBUAT BAYARAN KEUNTUNGAN KEMUDAHAN SECARA BULANAN MENGIKUT JUMLAH KEMUDAHAN YANG TELAH DIGUNAKAN.

BAYARAN KEUNTUNGAN BULANAN AKAN DIKIRA BERDASARKAN KIRAAN HARIAN MENGGUNAKAN KADAR KEUNTUNGAN EFEKTIF SEMASA, BAKI SEMASA DAN BILANGAN HARI PENGGUNAAN DALAM SATU BULAN.

| | |
|---|---|
| ▪ BAYARAN KEUNTUNGAN BULANAN* | RM ____________ (BAYARAN KEATAS JUMLAH KEUNTUNGAN). |
| ▪ JUMLAH KEMUDAHAN YANG PERLU DIBAYAR | SECARA BULANAN/ SETIAP 3 BULAN/ SETIAP 6 BULAN/ PENGURANGAN JUMLAH KEMUDAHAN TAHUNAN ATAU SECARA PENYELESAIAN SEMUA SEHINGGA SEMUA JUMLAH KEMUDAHAN SELESAI DIBAYAR DALAM TEMPOHNYA. |

***NOTA:*** **BAYARAN KEUNTUNGAN BULANAN MUNGKIN BERBEZA DENGAN BERTUKARNYA KPA DAN DENGAN MENGIKUT BAKI SEMASA. NAMUN DEMIKIAN, JUMLAH KESELURUHAN ANSURAN TIDAK AKAN MELEBIHI KADAR KEUNTUNGAN SILING.*

CONTOH ILUSTRASI

KADAR KEUNTUNGAN : KPA + 1.0% SETAHUN
JUMLAH KEMUDAHAN : RM500k
JUMLAH KEMUDAHAN YANG TELAH DIGUNAKAN(HARI) : 1. RM100,000.00 (10 HARI)
2. RM200,000.00 (12 HARI)

| KADAR | KPA SEKARANG= 5.40%<br>5.40% +1.0% = 6.40% | JIKA KPA MENINGKAT 1%<br>I.E. 6.40% + 1.0% = 7.40% | JIKA KPA MENINGKAT 2%<br>I.E. 7.40% + 1.0% = 8.40% |
|---|---|---|---|
| BAYARAN KEUNTUNGAN HARIAN MENGIKUT PENGGUNAAN<br>1. 10 HARI<br>2. 12 HARI | 1. RM 175.3<br>2. RM 420.8 | 1. RM 202.7<br>2. RM 486.6 | 1. RM 230.1<br>2. RM 552.3 |
| JUMLAH BAYARAN UNTUK 1 BULAN | RM 596.1 | RM 689.3 | RM 782.4 |

I. KEMUDAHAN PERDAGANGAN-i

*CONTOH ILUSTRASI*

*KEMUDAHAN: TRUST RECEIPT-I (TR-i)*

IV = RM100,000
r = 7.15% SETAHUN (6.65% + KADAR KEUNTUNGAN PURATA 1.75%)
t = 60 HARI

$$FV = IV \left(1 + \frac{r \times t}{365}\right)$$

DI MANA,
FV = NILAI MUKA ATAU HARGA JUALAN ATAU NILAI MATANG
IV = NILAI INVOIS ATAU HARGA BELIAN
r = KADAR KEUNTUNGAN SETAHUN
t = TEMPOH PEMBIAYAAN

$$FV = 100{,}000 \left(1 + \frac{60 \times 7.15\%}{365}\right)$$

$$= \textbf{RM 101,175.3}$$

KADAR KEUNTUNGAN DI ATAS MUNGKIN BERUBAH DARI SEMASA KE SEMASA DI MANA PIHAK BANK AKAN MEMBERIKAN SEKURANG-KURANGNYA 21 HARI KALENDAR NOTIS BERTULIS SEBELUM TARIKH PELAKSANAAN DENGAN SYARAT IA TIDAK MELEBIHI KADAR KEUNTUNGAN SILING. (HANYA TERPAKAI UNTUK PRODUK BERASASKAN KOMODITI MURABAHAH SAHAJA)

## 6. BERAPAKAH YURAN DAN CAJ YANG PERLU DIBAYAR?

| | |
|---|---|
| ▪ DUTI SETEM | SEBAGAIMANA YANG TERCATAT DI DALAM AKTA DUTI SETEM 1949 (SEMAKAN SEMULA PADA 1989). |
| ▪ YURAN PERDAGANGAN | BERHUBUNG DENGAN TRANSAKSI KOMODITI MURABAHAH, PELANGGAN HENDAKLAH MEMBAYAR KEPADA PIHAK BANK YURAN PERDAGANGAN SEBANYAK RM15 BAGI SETIAP RM1.0 JUTA AMAUN KEMUDAHAN ATAU APA-APA AMAUN LAIN SEBAGAIMANA YANG DITENTUKAN OLEH PIHAK BANK DARI MASA KE SEMASA. |
| ▪ CUKAI | TERTAKLUK KEPADA CUKAI DAN LEVI SEDIA ADA DAN AKAN DATANG YANG DITETAPKAN MENGIKUT UNDANG-UNDANG. |
| ▪ LEBIHAN DARI KEMUDAHAN TUNAI-I | LEBIHAN BERLAKU JIKA AMAUN YANG ANDA GUNAKAN MELEBIHI HAD PENGUNAAN MAKSIMUM KEMUDAHAN TUNAI-I YANG DIBENARKAN. SEMUA JUMLAH LEBIHAN MESTI DIBAYAR DALAM MASA DUA PULUH EMPAT (24) JAM. SEKIRANYA ANDA GAGAL MENYELESAIKAN JUMLAH LEBIHAN DALAM MASA DUA PULUH EMPAT (24) JAM, CAJ PEMBAYARAN LEWAT (LPC) AKAN DIKENAKAN KE ATAS JUMLAH LEBIHAN DARI HARI AKAUN ANDA BERLAKU LEBIHAN. |
| ▪ CAJ DOKUMENTASI KEMUDAHAN BUSINESS BANKING 'IN-HOUSE' | BAYARAN DOKUMENTASI SEHINGGA RM3,500.00 (UNTUK JUMLAH PEMBIAYAAN SEHINGGA RM5.0 JUTA)<br><br>*TERTAKLUK KEPADA KELAYAKAN |
| ▪ LAIN-LAIN YURAN | SEMUA KOS DAN PERBELANJAAN SEBENAR SEPERTI YURAN GUAMAN DAN SEBAGAINYA |

NOTA: PIHAK BANK AKAN BERKOMUNIKASI DENGAN ANDA SEKURANG-KURANGNYA 21 HARI KALENDAR SEBELUM TARIKH EFEKTIF PELAKSANAAN JIKA TERDAPAT SEBARANG PERUBAHAN DALAM YURAN DAN CAJ.

## 7. BAGAIMANA SEKIRANYA SAYA GAGAL MEMENUHI OBLIGASI SAYA?

| | |
|---|---|
| ▪ CAJ LEWAT BAYAR | A. PIHAK BANK MEMPUNYAI HAK UNTUK PAMPASAN ATAS BAYARAN LEWAT DAN KEMUNGKIRAN BAYARAN, BERLANDASKAN MEKANISMA SEPERTI DI BAWAH: |

| | |
|---|---|
| | I. <u>BAYARAN TERTUNGGAK</u><br><br>SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMBAYAR SEBARANG AMAUN TERTUNGGAK DARI TARIKH BERMULANYA KEMUDAHAN DIKELUARKAN SEHINGGA TARIKH MATANG, CAJ PEMBAYARAN LEWAT AKAN DIKENAKAN SEBANYAK 1% SETAHUN KE ATAS AMAUN YANG TERTUNGGAK ATAU CARA LAIN YANG DILULUSKAN OLEH BANK NEGARA MALAYSIA (BNM).<br><br>II. <u>APABILA MATANG/PENGHAKIMAN (YANG MANA TERDAHULU)</u><br><br>PADA KADAR CAJ LEWAT BAYAR YANG AKAN MENJADI KADAR HARIAN PASARAN KEWANGAN INTERBANK ISLAM (IIMM) AKAN DIKENAKAN DI ATAS KEGAGALAN MEMBAYAR JUMLAH BAKI TERTUNGGAK DAN PERLULAH DIBAYAR ATAU MENGGUNAKAN KAEDAH LAIN YANG DILULUSKAN OLEH BANK NEGARA MALAYSIA DARI SEMASA KE SEMASA.<br><br>B. WALAUBAGAIMANAPUN, CAJ PEMBAYARAN LEWAT YANG DICAJ TIDAK AKAN DIKOMPAUNKAN KEPADA BAKI PEMBIAYAAN TERTUNGGAK.<br><br>NOTA:<br>TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIKENAKAN JIKA ANDA GAGAL MEMBERI RESPON KEPADA NOTIS PERINGATAN. |
| ▪ TOLAK SELESAI | PIHAK BANK BERHAK UNTUK MENGGABUNGKAN SEMUA ATAU MANA-MANA BAKI KREDIT DALAM AKAUN ANDA DENGAN PIHAK BANK, UNTUK MELUNASKAN APA SAHAJA TUNGGAKAN DAN LIBILITI KEMUDAHAN INI DENGAN MEMBERIKAN KEPADA ANDA NOTIS TERDAHULU SELAMA TUJUH (7) HARI KALENDAR.<br><br>PIHAK BANK BERHAK MENGETEPIKAN DANA DI DALAM AKAUN ANDA KE ATAS BAKI TUNGGAKAN KEMUDAHAN INI SETELAH MENYERAHKAN NOTIS KEPADA ANDA. |
| ▪ KADAR KEMUNGKIRAN | JIKA BERLAKU KEMUNGKIRAN SELAMA TIGA (3) BULAN DALAM SEBARANG PEMBAYARAN TERTUNGGAK ATAU AKAUN KEMUDAHAN TUNAI (CASH LINE-I) MELEBIHI HAD TIGA (3) BULAN DIBAWAH PEMBIAYAAN INI, PIHAK BANK BERHAK UNTUK MENAIKKAN MARGIN KEUNTUNGAN BAGI KADAR KEUNTUNGAN EFEKTIF KEPADA KADAR PEMBIAYAAN ASAS + 2.5% SETAHUN ATAU 1.0% SETAHUN KEATAS KADAR KEUNTUNGAN EFEKTIF (JIKA KADAR KEUNTUNGAN EFEKTIF IALAH KADAR PEMBIAYAAN ASAS + 2.5% SETAHUN ATAU LEBIH), ("KADAR KEMUNGKIRAN") AKAN DIKENAKAN PADA JUMLAH YANG TERTUNGGAK ATAU KADAR KEUNTUNGAN LAIN DIMANA BANK AKAN MENETAPKAN SENDIRI ATAU ATAS BUDI BICARA PIHAK BANK DARI SEMASA KE SEMASA.<br><br>UNTUK PEMBIAYAAN BERJANGKA, BAYARAN UNTUK PEMBIAYAAN INI ADALAH MENGIKUT BULANAN, SUKU TAHUNAN, SETENGAH TAHUN, TAHUNAN ATAU PEMBAYARAN SEKALIGUS, DIMANA BANK BERHAK MENAIKKAN KEUNTUNGAN MARGIN DARI KADAR KEUNTUNGAN KEPADA KADAR KEMUNGKIRAN UNTUK DIKENAKAN PADA JUMLAH YANG TERTUNGGAK, ATAU KADAR KEUNTUNGAN LAIN DIMANA BANK AKAN MENETAPKAN SENDIRI ATAU ATAS BUDI BICARA PIHAK BANK DARI SEMASA KE SEMASA, JIKA PEMBAYARAN TERTUNGGAK DAN TIDAK DIBAYAR SELAMA TIGA (3) BULAN DARI HARI PERTAMA KEMUNGKIRAN.<br><br>DENGAN SYARAT BAHAWA KENAIKAN ITU TIDAK AKAN MENYEBABKAN JUMLAH PEMBAYARAN KESELURUHAN MELEBIHI HARGA JUALAN BANK. KADAR KEUNTUNGAN KEMUNGKIRAN AKAN DITUKAR SEMULA KEPADA KADAR KEUNTUNGAN EFEKTIF SEMASA SETELAH SEMUA TUNGGAKAN TELAH DIBAYAR SEPENUHNYA. |

## 8. BAGAIMANA JIKA SAYA MENJELASKAN BAKI PEMBIAYAAN SEBELUM TEMPOH MATANG?

| | |
|---|---|
| TEMPOH WAJIB GUNA UNTUK PENYELESAIAN AWAL | TIADA |
| YURAN PENYELESAIAN AWAL | TIADA |
| REBAT | JIKA ANDA MENJELASKAN PEMBIAYAAN SEPENUHNYA SEBELUM TEMPOH MATANG:-<br>• ANDA PERLU MEMBAYAR JUMLAH BAKI PEMBIAYAAN, KEUNTUNGAN BULANAN SEMASA DAN SEBARANG JUMLAH YANG MASIH TERTUNGGAK DAN BELUM DIBAYAR KEPADA BANK.<br>• TIADA YURAN PENYELESAIAN AWAL AKAN DIKENAKAN.<br><br>NOTA:-<br>PIHAK BANK AKAN MEMBERI REBAT (IBRA') KEPADA PELANGGAN DALAM, TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA, SITUASI-SITUASI BERIKUT:<br><br>(a) PELANGGAN MEMBUAT PENYELESAIAN AWAL ATAU PENEBUSAN AWAL, TERMASUK YANG TERBIT DARI BAYARAN AWAL;<br>(b) SEKIRANYA ANSURAN BULANAN BERMULA AWAL SEBELUM BERAKHIRNYA KEUNTUNGAN TEMPOH TANGGUH (BAGI HARTA DALAM PEMBINAAN);<br>(c) SEKIRANYA KADAR KEUNTUNGAN EFEKTIF LEBIH RENDAH DARI KADAR KEUNTUNGAN SILING;DAN<br>(d) SEKIRANYA JUMLAH PENGELUARAN SEBENAR ADALAH RENDAH DARI HARGA JUALAN BANK.<br><br>BAGI MENGELAK KERAGUAN, ADALAH DIPERAKUI DAN DIPERSETUJUI BAHAWA REBAT-REBAT BERKENAAN TIDAK BOLEH DIANGGAP SEBAGAI REBAT TUNAI YANG PERLU DIBAYAR KEPADA PELANGGAN, TETAPI DIDATANGKAN SEBAGAI PENGURANGAN DARI ELEMEN HARGA JUALAN BANK. REBAT BERKENAAN HANYA AKAN DIBERIKAN SELEPAS PENERIMAAN JUMLAH PENYELESAIAN/PENEBUSAN SEBAGAIMANA DITENTUKAN OLEH BANK BERDASARKAN FORMULA DI BAWAH: |
| | (formula below) BAGI ILUSTRASI LANJUT BERKENAAN REBAT, SILA RUJUK ARTIKEL "GARIS PANDUAN BANK NEGARA MALAYSIA BERKENAAN IBRA' (REBAT) UNTUK PEMBIAYAAN BERASASKAN BELIAN", DI LAMAN WEB WWW.MAYBANK2U.COM.MY |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| HARGA JUALAN BANK TERTUNGGAK | **TOLAK** | BAKI KEMUDAHAN TERTUNGGAK | **TOLAK** | AMAUN LAIN YANG PERLU DIBAYAR KEPADA BANK |

## 9. ADAKAH SAYA MEMERLUKAN SEBARANG PERLINDUNGAN TAKAFUL?

PERLINDUNGAN TAKAFUL YANG DICADANGKAN UNTUK DIAMBIL ADALAH SEPERTI BERIKUT(TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA):-

- SME TAKAFUL OVERDRAFT PROTECTOR PLUS (SME TAKAFUL ODP PLUS)

PERLINDUNGAN TAKAFUL DIATAS AKAN DITAWARKAN KEPADA PEMILIK BISNES DALAM KES KEMATIAN ATAU KECACATAN KEKAL.

## 10. APAKAH RISIKO UTAMA?

KADAR KEUNTUNGAN PEMBIAYAAN INI BOLEH BERUBAH DARI SEMASA KE SEMASA MENGIKUT PERUBAHAN DALAM KADAR PEMBIAYAAN ASAS (KPA). PENINGKATAN DALAM KADAR KEUNTUNGAN BOLEH MENYEBABKAN JUMLAH BAYARAN ANSURAN BULANAN YANG LEBIH TINGGI TETAPI TIDAK MELEBIHI KADAR KEUNTUNGAN SILING.

JIKA ANDA MEMPUNYAI MASALAH DALAM MEMBUAT BAYARAN, SILA HUBUNGI KAMI SECEPAT MUNGKIN UNTUK BERBINCANG MENGENAI KAEDAH BAYARAN ALTERNATIF.

## 11. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA TERDAPAT SEBARANG PERUBAHAN MAKLUMAT KEPADA BUTIR-BUTIR PERHUBUNGAN SAYA?

ADALAH PENTING BAGI ANDA UNTUK MEMAKLUMKAN KEPADA KAMI MENGENAI SEBARANG PERUBAHAN MAKLUMAT PERHUBUNGAN ANDA UNTUK MEMASTIKAN ANDA DAPAT DIHUBUNGI ATAU MENERIMA SURAT KAMI TEPAT PADA MASANYA. UNTUK MENGEMASKINI BUTIR-BUTIR PERHUBUNGAN ANDA, SILA HUBUNGI KAMI DENGAN MENGUTUS SURAT ATAU HUBUNGI KAMI MELALUI SALAH SATU RANGKAIAN, CTH: M2U DI WWW.MAYBANK2U.COM.MY ATAU CAWANGAN MAYBANK.

## 12. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN BANTUAN DAN PEMBELAAN?

I) JIKA ANDA MEMPUNYAI MASALAH DALAM MEMBUAT BAYARAN, ANDA PERLU MENGHUBUNGI KAMI SECEPAT MUNGKIN UNTUK BERBINCANG MENGENAI KAEDAH BAYARAN ALTERNATIF. ANDA BOLEH MENGHUBUNGI KAMI DI:

MAYBANK
CAWANGAN:________________________
ALAMAT:__________________________
TEL/FAKS:________________________E-MEL:_________________________

II) SEBAGAI ALTERNATIF, ANDA BOLEH MENDAPATKAN PERKHIDMATAN AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK), SEBUAH AGENSI YANG DITUBUHKAN OLEH BANK NEGARA MALAYSIA UNTUK MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PERCUMA MENGENAI PENGURUSAN WANG, KAUNSELING KREDIT DAN PENSTRUKTURAN SEMULA HUTANG UNTUK INDIVIDU. ANDA BOLEH MENGHUBUNGI AKPK DI:

TINGKAT 8, MAJU JUNCTION MALL
1001, JALAN SULTAN ISMAIL
50250 KUALA LUMPUR

TEL: 1-800-22-2575 EMAIL: ENQUIRY@AKPK.ORG.MY

III) JIKA ANDA INGIN MEMBUAT SEBARANG ADUAN KE ATAS PRODUK ATAU PERKHIDMATAN KAMI, ANDA BOLEH MENGHUBUNGI KAMI DI:

MAYBANK
CAWANGAN:________________________
ALAMAT:__________________________
TEL/FAKS:________________________E-MEL:_________________________

IV) JIKA ANDA TIDAK BERPUASHATI DENGAN CARA KAMI MENJAWAB PERTANYAAN ATAU ADUAN ANDA, ANDA BOLEH MENGHUBUNGI BANK NEGARA MALAYSIA LINK ATAU TELELINK DI:

BLOK D, BANK NEGARA MALAYSIA
JALAN DATO'ONN
50480 KUALA LUMPUR
TEL: 1-300-88-5465
FAX: 03-21741515 E-MEL: BNMTELELINK@BNM.GOV.MY

## 13. DI MANA BOLEH SAYA MENDAPATKAN MAKLUMAT SELANJUTNYA?

JIKA ANDA MEMPUNYAI SEBARANG PERTANYAAN, SILA HUBUNGI KAMI DI :

**CAWANGAN MAYBANK :**
**ALAMAT :**
**TEL :**
**E-MEL:**

## 14. PAKEJ PEMBIAYAAN LAIN YANG DISEDIAKAN:

1. SKIM JAMINAN MODAL KERJA-I (SJMK-i)
2. MAXIPLAN-I
3. SKIM JAMINAN PROSES AUTOMASI-I (SJPA-I)
4. SKIM JAMINAN MODAL KERJA-I EKSPORT (SJMK-I EKSPORT)
5. SKIM JAMINAN MODAL KERJA-I WANITA (SJMK-I WANITA)
6. SKIM JAMINAN MODAL KERJA-I BUMI (SJMK-I BUMI)
7. KEMUDAHAN AUTOMASI & DIGITALISASI (KAD-I)
8. KEMUDAHAN AGROFOOD-I (KA-I)

***PENAFIAN TUNTUTAN***

*MAKLUMAT SERTA TERMA DAN SYARAT AM YANG DISEDIAKAN DALAM HELAIAN MAKLUMAT PRODUK INI ADALAH BAGI TUJUAN MEMBERI MAKLUMAT DAN TIDAK MENGIKAT PIHAK BANK. TERMA DAN SYARAT MUKTAMAD ADALAH SEPERTI YANG DITETAPKAN DALAM SURAT TAWARAN DAN PERJANJIAN KEMUDAHAN YANG TERTAKLUK KEPADA PENILAIAN KREDIT DAN KELULUSAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN INI.*

***NOTA PENTING:***

***PIHAK BANK BERHAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBUAT BAYARAN BULANAN PEMBIAYAAN ANDA.***

MAKLUMAT YANG DISEDIAKAN DI DALAM HELAIAN INI SAH DARI JANUARI 2021 DAN AKAN SAH SEHINGGA SEMAKAN SEMULA SETERUSNYA.

## Pengakuan Pelanggan

Saya mengakui bahawa penjelasan yang mencukupi telah diberikan oleh pegawai bank kepada saya mengenai syarat-syarat penting dalam dokumen ini.

[*Untuk Perkongsian/Pemilikan Tunggal]

.....................................................
Cop Perniagaan
Nama Penandatangan yang Sah:
Nombor Kad Pengenalan:
Tarikh:

[*Untuk Syarikat]

.....................................................
Penandatangan yang Sah dan Cop Perniagaan
untuk <*Syarikat/Nama Pelanggan>
Nama:
Nombor Kad Pengenalan:
Tarikh: